

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Pesanan motosikal, dapat basikal, bayar harta kereta. Hal ini antara masih berlaku dalam kontrak kerajaan apabila kegiatan rasuah berleluasa dalam kalangan pegawai kerajaan bersetongkol dengan kartel. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenal pasti 16 bentuk penyelewengan kerap berlaku dalam sistem perolehan membabitkan pegawai yang diberikan amanah urusan perolehan dan perbekalan. Punca rasuah berlaku dalam kalangan pegawai kerajaan kerana ditawarkan menerima komisen antara lima hingga 10 peratus berdasarkan harga projek daripada syarikat berjaya. Malah, terdapat kes orang dalam membocorkan maklumat, termasuk nilai kontrak. Ada juga pegawai yang berpakat dengan syarikat pembekal selain pegawai mendapat duit kopi yang bertimbun menyebabkan projek tidak diawasi dengan baik.

Amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam sistem perolehan akan mendatangkan kesan amat negatif bukan sahaja kepada masyarakat selaku pengguna, bahkan pegawai agensi terbabit serta kontraktor. Rasuah boleh merugikan masyarakat jika peralatan, perkhidmatan atau projek sepatutnya siap tetapi terbengkalai atau tidak wujud sekali gus menggagalkan usaha kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat. Rasuah akan menjadi budaya hingga mencetuskan ketidakpuasan hati serta menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan kepada kerajaan.


Bagi mengekang amalan rasuah, setiap ketua jabatan perlu membentuk sistem pemantauan dan kelulusan bertapis. Langkah ini bukan bertujuan mewujudkan kerenah birokrasi tetapi mengurangkan keputusan terhadap sesuatu pembelian berpusat kepada seseorang sahaja. Selain itu, pemeriksaan menjeju ke atas pelaksanaan projek wajar dilaksanakan bertepatan konsep turun padang. Prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan kewangan, terutama dari segi membezakan kuasa budi bicara selalu disalahgunakan perlu diteliti semula. Oleh itu, semua prosedur hendaklah dipatuhi dan tiada pengecualian. Di samping itu, kerajaan juga boleh merangka undang-undang untuk mengambil tindakan punitif terhadap pegawai hingga menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan. Dalam hal ini, kerjasama orang ramai juga penting bagi membolehkan SPRM bertindak efektif.

dan bebas. Maka, **lapor dan bongkar kegiatan rasuah dalam jabatan masing-masing**. SPRM melindungi pemberi maklumat secara profesional.

Dipetik dan diubah suai daripada Usah takut lapor, bongkar rasuah dalam jabatan kerajaan' oleh Datuk Seri Akbar Satar, *Berita Harian Online*, 8 April 2021

Cikgu Roslan Daud

Bahan 2 - Grafik



Lengkapkan analisis berikut

Tema:

Fokus 1: _____

Fokus 2: _____

Fokus 3: _____

